

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-13
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' MANSOR BIN OTHMAN**

TARIKH : **27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

SOALAN :

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program-program atau projek-projek khusus yang dirancang ataupun yang telah dilaksanakan bagi membantu masyarakat India di Parlimen Nibong Tebal oleh Jawatankuasa Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India semenjak ianya ditubuhkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2009, banyak usaha yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hal Ehwal Masyarakat India untuk membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India di seluruh negara.

Melalui Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) di bawah Jabatan Perdana Menteri, seramai 188 usahawan kaum India di kawasan Parlimen Nibong Tebal telah mendapat bantuan pinjaman mikro-kredit sejumlah RM1,913,500 daripada TEKUN Nasional. Sebanyak 86 usahawan wanita kaum India di Nibong Tebal pula telah menerima pinjaman sebanyak RM1,066,137 melalui Unit Khas Sahabat India di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia.

Tambahan daripada itu, Sekretariat SEED telah mengadakan 11 "*Pocket Talk*" kepada usahawan-usahawan India di mana seramai 200 orang India di kawasan Nibong Tebal telah menyertai program ini. Program tersebut adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan nasihat kepada usahawan-usahawan India mengenai inisiatif-inisiatif Kerajaan khusus bagi mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan.

Manakala melalui Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC), sebanyak 5 Badan Bukan Kerajaan telah menjalankan program dan aktiviti di sekitar kawasan Parlimen Nibong Tebal yang telah memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Di antaranya ialah Pertubuhan Vinaya Organization dan Pertubuhan Urimai

Kural Negeri Pulau Pinang. Program-program yang dijalankan melibatkan pelajar SJKT, belia India dan golongan wanita. Program-program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada golongan belia untuk menceburi bidang perniagaan, memupuk nilai keagamaan dan kemasyarakatan, latihan kemahiran seperti membuat kek, roti dan biskut untuk meningkatkan pendapatan dan program pembangunan diri melibatkan murid SJKT sebagai penyediaan untuk melangkah ke sekolah menengah.

Selain itu, peruntukkan juga telah diberikan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di sekitar kawasan Parlimen Nibong Tebal untuk tujuan kerja-kerja penyelenggaraan. Antaranya ialah SJKT Ladang Transkrian, SJKT Ladang Jawi, SJKT Ladang Byram dan SJKT Ladang Changkat berjumlah RM165,000 dari tahun 2012 hingga 2015.

Sekian, terima kasih.